

**Jenis Akhbar** : Malaysia Gazette  
**Tarikh** : 12/04/2020  
**Edisi / Muka Surat** : <https://malysia Gazette.com/>  
**Tajuk** : 4 cadangan gerakan koperasi kepada kerajaan

## 4 cadangan gerakan koperasi kepada kerajaan

12/04/2020



*Pengerusi Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KOMAWAS), Datuk Mohamed Farid Zawawi (dua kiri) bercakap pada sidang media mengenai pelaksanaan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam di pejabat KOMAWAS, Petaling Jaya.*

KUALA LUMPUR – Gerakan koperasi tempatan menyarankan empat resolusi bagi menjadikan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) lebih berkesan serta komprehensif dengan mengambil kira aspek kebajikan lebih 14,417 koperasi di seluruh negara.

Wakil gerakan itu, Datuk Mohamed Farid Zawawi menyarankan semua pinjaman daripada institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan kepada koperasi kredit diberikan moratorium selama enam bulan.

Beliau yang juga Pengerusi Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KOWAMAS) juga mencadangkan, kedua-dua institusi kewangan itu menyediakan sekurang-kurangnya RM10 bilion kemudahan pembiayaan mudah kepada koperasi kredit.

“Gerakan koperasi turut merayu supaya kerajaan memperuntukan sekurang-kurangnya RM20 bilion pinjaman kadar rendah (soft loan) kepada gerakan koperasi sama seperti diperuntukkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Kami juga memohon kerajaan memberikan pengecualian dan penangguhan pembayaran dan sumbangan statutori seperti cukai, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), PERKESO Dan Skim Insurans Pekerjaan sama seperti dipanjangkan kepada PKS,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohamed Farid menambah, cadangan itu perlu pertimbangkan sewajarnya oleh kerajaan memandangkan semua koperasi berdaftar merekodkan keahlian melebihi enam juta orang yang rata-ratanya golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat keadaan tunai semasa yang meruncing berikutan penularan virus Covid-19.

Beliau berkata, hasil penelitian pakej rangsangan bernilai RM1.099 bilion untuk gerakan koperasi seperti diumumkan Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), sebanyak RM1.032 bilion merupakan dana dalaman koperasi sendiri manakala selebihnya RM67 juta dana disediakan kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

“Gerakan koperasi mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang begitu proaktif, bijaksana serta pemurah dalam berusaha merangsang semula ekonomi negara menangani wabak Covid-19.

“Namun wujud beberapa kekangan kemudahan moratorium pembayaran balik pinjaman peribadi bagi koperasi kredit kerana institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan sebagai penyedia dana tidak memberi moratorium kepada koperasi yang akan menjejaskan aliran tunai dan besar kemungkinan koperasi akan mufliis,” katanya.

Mohamed Farid menjelaskan, pihaknya amat mengaluakan pengenalan program penangguhan (deferment) dan pengecualian (exemption) yang diumumkan kerajaan.

Bagaimanapun tegas beliau, pengintegrasian program itu beserta dengan empat cadangan seperti yang dikemukakan merupakan pelengkap perjuangan gerakan koperasi bagi mengisi pembangunan semula ekonomi dan pasaran negara yang menghadapi cabaran yang luar.

“Aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh lebih 14,000 koperasi di negara ini yang dianggotai oleh lebih daripada 6 juta orang iaitu mewakili 20 peratus telah menjana pendapatan negara dan menjadi tulang belakang ekonomi negara sejak bertahun-tahun yang lalu,” katanya. –

MalaysiaGazette